

'Notis sebelum pekenan Sultan bayangkan niat S'gor'
Malaysiakini.com
January 23, 2011

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar berkata kerajaan negeri itu tidak menghormati Sultan Selangor kerana mengeluarkan notis sidang khas DUN empat hari sebelum mendapat perkenan baginda.

Beliau berkata tindakan itu juga membayangkan tujuan sebenar kerajaan negeri mahu meminda Undang-undang Tubuh Selangor, iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri Besar dan bukan kepada sultan seperti yang digembar-gemburkan.

Notis persidangan itu dikeluarkan Speaker DUN Datuk Teng Chang Khim pada 10 Jan lepas iaitu empat hari lebih awal sebelum menerima perkenan Sultan Sharafuddin Idris Shah, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bersama Rakyat di Felda Tenang, di Labis malam tadi.

"Sepatutnya kalau betul-betul menjunjung kasih Sultan, kerajaan negeri patut mendapat perkenan Tuanku dulu sebelum menetapkan tarikh persidangan. Jelas mereka membelakangkan Sultan," katanya.

Noh yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata sikap biadap kerajaan negeri yang dipimpin pakatan PKR, DAP dan PAS itu turut menunjukkan cadangan pindaan tersebut sebagai gimik politik.

Noh juga mengulangi bahawa semua wakil rakyat BN Selangor akan hadir pada sidang itu bagi menafikan hasrat kerajaan negeri daripada meminda undang-undang tubuh tersebut.

Cadangan pindaan itu dikemukakan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berikutan pelantikan Datuk Mohd Kusrin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang baru yang didakwa dilakukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tanpa merujuk kepada beliau selaku Menteri Besar.

Pelantikan Mohd Kusrin yang berkuatkuasa 1 Januari lepas bagaimanapun mendapat perkenan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, dan beliau telah mengangkat sumpah jawatan serta sumpah taat setia di hadapan baginda pada 6 Januari lepas.

Mengulas mengenai kedudukan Badrul Hisham Abdullah sebagai Adun Pelabuhan Klang, Noh berkata BN akan menyediakan bantuan perundangan bagi memastikan Badrul Hisham mendapat pembelaan sewajarnya.

Beliau berkata walaupun Teng mempunyai hak untuk mengisytiharkan status kerusi tersebut, Badrul Hisham juga mempunyai hak untuk mempertahankan dirinya jika perkara tersebut di bawa ke mahkamah.

Teng telah mengisytiharkan kerusi DUN Pelabuhan Klang kosong berkuatkuasa 16 Januari lepas berikutan kegagalan Badrul Hisham menghadiri persidangan selama enam bulan tanpa alasan munasabah.

Badrul Hisham telah memenangi kerusi itu sebagai calon PKR pada pilihan raya umum

2008, namun keluar daripada parti itu pada 29 Oktober 2009 untuk menjadi wakil Bebas mesra BN sebelum menyertai Umno pada Mei lepas.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/154198>